



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH
THE OFFICE OF STATE SECRETARY OF SABAH
JABATAN KETUA MENTERI
CHIEF MINISTER DEPARTMENT
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU, SABAH, MALAYSIA.



skn.sabah.gov.my

Telefon : +6088-369 900
 : +6088-369 901
Faksimile : +6088-211 016
Laman Web : skn.sabah.gov.my

Rujukan : JPAN 700-2/104/44/2 (30)
Tarikh : 13 Mac 2023

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah/Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**WAKTU BEKERJA DALAM BULAN RAMADAN TAHUN 1444H/2023M BAGI
PEGAWAI WANITA BERAGAMA ISLAM YANG TELAH BERKAHWIN**

Dengan hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa, Kerajaan bersetuju untuk memberi kebenaran pulang awal dalam bulan Ramadan tahun 1444H/2023M kepada pegawai wanita beragama Islam yang telah berkahwin. Waktu pulang yang dibenarkan adalah bermula **seawal pukul 3.00 petang**. Contoh pelaksanaan kemudahan ini adalah seperti berikut:

2.1 Kebenaran pulang awal **tanpa mengurangkan 30 minit tempoh waktu rehat**:

Waktu Bekerja Fleksi	
Waktu Masuk	Waktu Pulang
7.30 pagi	3.00 petang
8.15 pagi	3.45 petang
9.00 pagi	4.30 petang

...2/

“SABAH MAJU JAYA”

Rujukan: JPAN 700-2/104/44/2 (32)

Tarikh : 13 Mac 2023

- 2.2 Kebenaran pulang awal dengan mengurangkan 30 minit tempoh waktu rehat:

Waktu Bekerja Fleksi	
Waktu Masuk	Waktu Pulang
7.30 pagi	3.00 petang
8.15 pagi	3.15 petang
9.00 pagi	4.00 petang

Nota : Pegawai yang ingin mengurangkan 30 minit tempoh waktu rehat perlu mengisi borang **Lampiran A** Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.3/2022.

3. Walau bagaimanapun, pegawai boleh memilih waktu bekerja biasa sekiranya tidak mahu pulang lebih awal. Adalah diharapkan pengurangan masa bekerja sepanjang bulan Ramadan ini tidak akan menjejaskan aktiviti dan operasi penyampaian Perkhidmatan Awam Negeri.
4. Waktu bekerja dalam Surat Edaran ini dilaksanakan di semua agensi Kerajaan Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dan turut dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri, tertakluk kepada penerimaan pihak berkuasa masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



[**DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP**]
Setiausaha Kerajaan Negeri

“SABAH MAJU JAYA”